

**SOALAN LAZIM**  
**TIKTOK CHALLENGE #TERIMAKASIHPTPTN**

**1. Soalan:**

Apakah **TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN**?

**Jawapan:**

**TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN** merupakan salah satu inisiatif PTPTN meningkatkan kesedaran kepentingan bayaran balik pinjaman PTPTN kepada masyarakat melalui pendekatan hiburan maya berinformasi dan seni persembahan yang merangkumi elemen nyanyian, lakonan, atau tarian.

**2. Soalan:**

Bilakah tempoh **TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN** ini bermula?

**Jawapan:**

Tempoh **TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN** ini bermula pada **27 Julai 2022 sehingga 28 Ogos 2022**.

**3. Soalan:**

Siapakah yang layak untuk menyertai **TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN**?

**Jawapan:**

Terbuka kepada **warganegara Malaysia**. Kandungan video mestilah bersesuaian untuk tontonan semua lapisan umur dan masyarakat.

**4. Soalan:**

Bagaimanakah cara penyertaan **TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN**?

**Jawapan:**

- i. Peserta perlu **Follow akaun TikTok Rasmi PTPTN @PTPTNOfficial**;
- ii. Peserta perlu muat naik video yang bertemakan “**#TerimaKasihPTPTN**” ke laman TikTok berserta *hashtag* **#TerimaKasihPTPTN**, **#PeluangKejayaanAnda** **#TikTokChallenge #PTPTNTikTokChallenge** dan perlu memastikan **profil TikTok ditetapkan kepada Public**;
- iii. Peserta perlu **tag TikTok @PTPTNOfficial**; dan
- iv. Peserta perlu menghasilkan video yang kreatif dan menarik sama ada dalam Bahasa Melayu (termasuk dialek/ loghat tempatan yang mudah difahami) atau Bahasa Inggeris **berdurasi minimum lima belas (15) saat** sahaja.

**5. Soalan:**

Apakah peraturan tambahan bagi **TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN**?

**Jawapan:**

- i. Pakaian para peserta hendaklah bersesuaian, kemas, sopan dan tidak dibenarkan memakai pakaian yang mencolok mata;
- ii. Peralatan tambahan dan aksi yang mendatangkan risiko keselamatan adalah tidak dibenarkan;
- iii. Pilihan lagu atau sebarang audio dan peralatan **TIDAK BOLEH** mengandungi sebarang elemen/ unsur-unsur negatif, menyentuh sensitiviti keagamaan dan perkauman serta melibatkan mana-mana agensi lain;

- iv. Pihak urusetia tidak bertanggungjawab dalam urusan penyediaan lagu iringan/ pakaian/ peralatan untuk peserta yang mengambil bahagian;
- v. Peserta dibenarkan untuk muat naik lebih daripada satu (1) video, tetapi hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja;
- vi. Video yang dimuatnaik **TIDAK BOLEH** mengandungi sebarang elemen/ unsur-unsur negatif, menyentuh sensitiviti keagamaan dan perkauman serta melibatkan mana-mana agensi lain; dan
- vii. Video yang dimuatnaik bagi tujuan **TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN** ini mestilah karya asli dan kreatif daripada peserta dan tidak melanggar hak-hak pihak ketiga (termasuk hak cipta).

**6. Soalan:**

Bagaimanakah pemilihan pemenang **TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN** dibuat?

**Jawapan:**

- i. Pemenang akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:
  - Kandungan mesej;
  - Impak dan viraliti (*views*);
  - Kreativiti dan keseniaan; dan
  - Suntingan dan kekemasan.
- ii. Tarikh akhir pengiraan *views* adalah pada **04 September 2022, 11.59 PM**;
- iii. Pengumuman pemenang akan dimaklumkan di profile TikTok Rasmi PTPTN di @PTPTNOfficial; dan
- iv. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

**7. Soalan:**

Apakah hadiah yang ditawarkan dalam **TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN** ini?

**Jawapan:**

HADIAH		BILANGAN PEMENANG
Utama	: RM2,500	1
Saguhati	: RM250	24
<b>Jumlah Pemenang</b>		<b>25</b>

**8. Soalan:**

Bagaimanakah makluman kepada pemenang hadiah **TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN** akan dibuat?

**Jawapan:**

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) serta akan dimaklumkan di profile TikTok Rasmi PTPTN di @PTPTNOfficial.

**11. Soalan:**

Bilakah hadiah tunai **TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN** akan dikreditkan ke akaun pemenang?

**Jawapan:**

Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh pengumuman pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di Simpan SSPN Plus. Jika pemenang tidak mempunyai kedua-dua akaun Simpan SSPN, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun Simpan SSPN Prime secara *pre-opening*;

**12. Soalan:**

Adakah hadiah berbentuk ganjaran tunai **TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN** yang dimenangi layak untuk diambil kira sebagai kiraan pelepasan taksiran cukai?

**Jawapan:**

Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi oleh peserta adalah **TIDAK LAYAK** untuk diambil kira sebagai sebahagian daripada potongan cukai. Potongan yang dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih (jumlah caruman peserta) di dalam Simpan SSPN yang dilakukan oleh seseorang individu yang terhad kepada RM8,000 di dalam sesuatu tahun sahaja.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh  
**TikTok Challenge #TerimaKasihPTPTN***

*Maklumat dikemaskini pada 25 Julai 2022*